

**“ABRAHAMIC FAITHS” DAN
NORMALISASI ARAB-ISRAEL**

NAKBAH ATAS NAKBAH!



**Resolusi Konferens
“Pendirian Umat Islam Berkenaan Agama-Agama Ibrahimi”**

Diterjemahkan Oleh:
MOHAMMAD SYAFIQ ISMAIL



Terbit edisi e-buku, Mac 2022
© Angkatan Belia Islam Malaysia

Judul: Resolusi Konferens “Pendirian Umat Islam berkenaan
Agama-agama Ibrahim”
Penterjemah: Mohammad Syafiq Ismail
Penyunting dan Transliterasi: Mohd Khairul Anwar Ismail
Reka Bentuk Kulit: Ainatunnadiyah Azizan
Reka Letak Huruf: Muhammad Fateh



ABIM PRESS PLT (LLP0012799-LGN)
No. 6, Jalan TC 2A/2,
Taman Cemerlang
53100 Kuala Lumpur
MALAYSIA

No. Telefon (P): +603-4108 4500
No. Telefon (HP/Whatsapp): +60133916299
No.Faks: +603-4108 2400
Emel: abimpressmy@gmail.com
Laman Sesawang: www.abimpress.com
FB: www.facebook.com/abimpressmy

E-Buku ini diterbitkan dengan kerjasama:



Koleksi E-Buku ABIM PRESS boleh diakses dan dimuateturun secara percuma di pautan berikut:
<https://tinyurl.com/KoleksiEbukuABIMPRESS>

Atau boleh juga ikuti perkembangan E-buku terkini di halaman FB Abim Press:



MUQADDIMAH PENTERJEMAH



Atas nama Yang Kasih, daku menulis.
Selawat dan salam, buat kekasih.

Gita puji sesempurnanya bagi Allāh, selama-lamanya, atas kurnia-Nya dan izin-Nya, sesuai ketetapan-Nya yang tersurat, kita selesai melaksanakan khidmat terjemahan Resolusi Konferens ‘Pendirian Umat Islam berkenaan Abrahamic Faiths/Agama-agama Ibrahimi’ ini.

Latar belakang konferens ini ialah untuk mengkritik usaha mempopularkan idea Agama-agama Ibrahimi ini kononnya umat Islam-kristian-yahudi bersaudara seagama, yang pada hakikatnya digunakan untuk mengubah pemikiran umat Islam supaya merasa normal dengan negara haram zionis-yahudi.

Hal ini dipopularkan pada zaman pemerintahan trump –mantan presiden Amerika Syarikat- sesuai dengan visinya untuk menjadi ‘orang tengah’ menyelesaikan krisis Palestin-zionis, namun kita melihat usaha-usaha halus untuk meneruskan projek Agama Ibrahim masih berjalan di bawah pimpinan biden kini. Maka, kita melihat bersempena dengan mengenang peristiwa Nakbah 15 Mei ini, kita bukan saja perlu merujuk sejarah lampau Nakbah, tetapi berusaha meneka trajektori Nakbah ini. Musuh Islam dan musuh Palestin kini sudah melampaui garis merah; mereka cuba menggadai agama untuk projek politik mereka; satu hal yang mustahil disetujui oleh muslim yang berakal.

Kita sertakan teks asal resolusi konferens ini di dalam bahasa Arab dan poster rasmi konferens untuk rujukan para pengkaji sekelian.

Terima kasih kita ucapkan buat pihak ABIM PRESS dan GLOBAL PEACE MISSION atas kesudian menerbitkan dan menyebarkannya secara gratis nan online. Tiada hakcipta yang kita tuntut di balik terbitan ini, ia bebas diulangcetak dan disebarluaskan oleh sesiapa saja, dan digunakan dalam kajian-kajian.

Sesungguhnya tiada apa yang kita miliki melainkan kesalahan dan kesilapan. Sementara seluruh kebaikan itu hanyalah milik Allāh. Sekiranya terdapat sebarang kekurangan dan kesilapan dalam terjemahan ini, mohon

segera dimaklumkan agar segera diperbetulkan, kerana tiada kitab yang sempurna melainkan al-Qur'ān.

Allāh Maha Mengetahui.

Syafiq atTauhidi (Mohammad Syafiq Ismail)

30 Syaaban 1443H / 2 April 2022M

Maktabah atTauhidi, negeri Sabah alMahmiyah billah.



يوم الأحد 9 رجب 1442 الموافق 21 فبراير 2021
على السادسة مساءً بتوقيت مكة المكرمة، تنطلق فعاليات:

المؤتمر الدولي حول موقف الأمة الإسلامية من الديانة الإبراهيمية



يدير المؤتمر الشيف الحسن الكتاني
رئيس رابطة علماء المغرب العربي

بمشاركة علماء من 18 دولة



- | | | | |
|--|--|--|--|
|
د. محمد البخاري مومن
ثالث رئيس رابطة علماء المغرب العربي |
د. علي القراء داعي الأئمين العامين
للاتحاد العالمي لعلماء المسلمين |
الشيخ محمد عزبة صبرى،
رئيس مركز تذوق العلوم، موريتانيا |
الشيخ وحيد الصدقي الأفغاني،
رئيس مجلس علماء فلسطين |
|
د. محمد الجبورى
رئيس جامعة الكويت |
د. علي الصيد
رئيس مجلس علماء المغرب |
د. محمد الباقري
رئيس الهيئة العالمية للمترجمين |
د. أحمد بن عرفل الشهري، الهيد
رئيس اتحاد علماء المسلمين، تونس |
|
د. محمد الغنام
نائب رئيس رابطة علماء المسلمين، سوريا |
د. عبدالقدور يوسف، عمرو مجلس أئماء
الاتحاد العالمي لعلماء المسلمين، السودان |
د. أحمد بن عرفل الشهري، الهيد
رئيس اتحاد علماء المسلمين، تونس |
د. إبراهيم العفيفي
عمدة كلية التربية في الجامعة الأمريكية |
|
د. محمد سرى، عصو الهيئة العليا
لرابطة علماء المسلمين، مصر |
د. عبدالله السادة طلب ناجي
الأمين محمد بن عبد الوهاب، مصر |
الشهيد سامي الصافي، أخرين عام
مجلس العقوبات بدار الإفتاء، البحرين |
د. إبراهيم أبو محمد
مفتى أستراليا |
|
د. محمد زيرقون، رئيس دعوة
الوحدة الإسلامية، إندونيسيا |
د. مامادو مامي ديوپ، عمدة
المجلس للعلماء المسلمين، السنغال |
د. عبد السلام الحداد، العفن
رئيس مجلس علماء تونس |
الشيخ أ.د. عمر بن عمر
رئيس مجلس العلماء والأخوات، تونس |

يبث على قناة الجزيرة مباشر في نفس التوقيت، كما سيتم بثه عبر الصحفات الميسوبية التالية:
رابطة علماء المغرب العربي، الاتحاد العالمي لعلماء المسلمين، رابطة علماء المسلمين، هيئة علماء فلسطين في الخارج

المسؤول الإعلامي: د جلال المودن

(Poster rasmi konferens “Pendirian Umat Islam berkenaan
Agama-agama Ibrahimii”)

TEKS ASAL

Resolusi Konferens “Pendirian Umat Islam berkenaan Agama-agama Ibrahimiyah”



البيان الختامي لمؤتمر موقف الأمة الإسلامية من الديانة الإبراهيمية

٢٠٢١/٠٢/٢٢

الحمد لله وحده، وصلى الله وسلم وبارك على من لا نبي بعده، وبعد:
فإنَّه وبحمد الله وتوفيقه، وبنِيَّتِنَا من الاتحاد العالمي لعلماء المسلمين،
ورابطة علماء المسلمين، ورابطة المغرب العربي. قد انعقد المؤتمر
الدولي الأول حول موقف الأمة الإسلامية من الديانة الإبراهيمية،

والذى شاركت فيه تسع عشرة دولة، وذلك يوم الأحد التاسع من شهر رجب عام ألف وأربعين واثنين وأربعين من الهجرة، الموافق للحادي والعشرين من فبراير عام ألفين واحدٍ وعشرين من الميلاد، وبعد إلقاء كلمات متعددة حول هذه الديانة المختلفة، وما ارتبط بها من مخطوطات، فقد صدر عن علماء الأمة والروابط العلمية المشاركة البيان الآتى:

أولاً : إن القرآن الكريم هو أعظم كتاب احتفى به إبراهيم عليه السلام، وفي القرآن سورة باسمه، وسور بأسماء آله، وبعض بناته، وال المسلمين مأمورون باتباع هديه، وهدي سائر الأنبياء عليهم الصلاة والسلام، قال تعالى : ﴿أُولَئِكَ الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ فِيهِمْ أَفْتَدَهُمْ قُلْ لَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِلْعَالَمِينَ﴾ [الأنعام : ٩٠].

ولذلك، فإن أولى الناس بإبراهيم عليه السلام هم أهل الإسلام والإيمان، قال سبحانه : ﴿إِنَّ أُولَئِكَ النَّاسُ بِإِيمَانِهِمْ لِلَّذِينَ اتَّبَعُوهُ وَهُنَّا النَّيُّ وَالَّذِينَ آمَنُوا وَاللَّهُ وَلِيُّ الْمُؤْمِنِينَ﴾ [آل عمران : ٦٨].

ثانياً: إن علماء المسلمين مع التعاون الإنساني، والتعايش القائم على الحرية والعدل، وعدم ازدراء الأديان أو الأنبياء، ومع الحوار الإنساني لبناء المجتمعات، ولكنهم يقفون متحددين ضد تحريف الإسلام، وتشويه الأنبياء عليهم الصلاة والسلام، وهذا هو دين المسلمين.

قال سبحانه: ﴿قُلْ إِنَّمَا هَذَا نِيَرٌ إِلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ دِينًا قِيمًا مِّلْهَةً إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ﴾ [الأنعام: ١٦١].

ثالثاً: إن أساس فكرة الدين الإبراهيمي يقوم على المشترك بين عقيدة الإسلام وغيره من العقائد. وهي فكرة باطلة؛ إذ الإسلام إنما يقوم على التوحيد والوحدانية، وإفراد الله تعالى بالعبادة، بينما الشراع المحرفة قد دخلها الشرك، وخالفتها الوثنية، والتوحيد والشرك ضدان لا يجتمعان.

والزعم بأن إبراهيم عليه السلام على دين جامع للإسلام والمسيحية والنصرانية- زعم باطل، ومعتقد فاسد، قال سبحانه: ﴿مَا كَانَ إِبْرَاهِيمُ يَهُودِيًّا وَلَا نَصَارَائِيًّا وَلَكِنْ كَانَ حَنِيفًا مُّسْلِمًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ﴾ [آل عمران: ٦٧].

رابعاً: إن السعي لدعم «اتفاقيات إبراهام» للتطبيع والتركيز عبر تسويق الدين جديد يوازن التطبيع السياسي هو أمر مرفوض شكلاً وموضوعاً، وأصلاً وفرغاً؛ ذلك أن الأمة المسلمة لم تقبل بالتطبيع السياسي منذ بدأ أواخر السبعينيات من القرن الميلادي الفائت، ولن تقبل اليوم من باب أولى بمشاريع التطبيع الديني، وتحريف المعتقدات، وقد قال تعالى: ﴿أَفَغَيَّرَ دِينَ اللَّهِ يَئْعُونَ﴾ [آل عمران: ٨٣].

خامسًا: إن طاعة أعداء الملة والدين في أمر الدين المبتدع، والقبول به، والدعوة إليه- خروج من ملة الإسلام الخاتم الناسخ لكل شريعة سبقته، ولن يفلح قوم دخلوا في هذا الكفر الصراح!

قال سبحانه: ﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن تُطِيعُوا فَرِيقًا مِّنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ يَرِدُونَكُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ كَافِرِينَ﴾ [آل عمران: ١٠٠].

وقال جل وعلا: ﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن تُطِيعُوا الَّذِينَ كَفَرُوا يَرِدُونَكُمْ عَلَى أَعْقَابِكُمْ فَنَتَقْبِلُوَا حَاسِرِينَ﴾ [آل عمران: ١٤٩].

سادسًا: على الأمة أن تعي أن أوهام السلام إنما يُبتدأها اليهود أنفسهم، وقد صرَح رئيس وزرائهم في ٢٨ يونيو ٢٠٢٠ م في مؤتمر جمعية «مسيحيون موحدون من أجل إسرائيل» بأن اتفاقية صفقة القرن قد قُوِّضت ما أطلق عليه: «أوهام حل الدولتين»، كما أن وزير خارجية أمريكا الحالي قد قال في الكونجرس في يناير ٢٠٢٠ م: «إن الحل الأمثل للنزاع هو التعايش السلمي، وتماهي الطرفين مع بعضهما بعد إنتهاء أسباب الخلاف!».

وعلى رأس ذلك العقيدة الإسلامية بطبيعة الحال، قال الله تعالى: ﴿وَدَّ كَثِيرٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يَرِدُونَكُمْ مِّنْ بَعْدِ إِيمَانِكُمْ كُفَّارًا حَسَدًا مِّنْ عِنْدِ أَنفُسِهِمْ مِّنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ الْحُقْقُ﴾ [البقرة: ١٠٩].

سابعاً: يحدِّر العلماء الحكومات الإسلامية من الاستجابة لهذه الدعوات المغرضة؛ لما تُمثِّله من عدوانٍ سافِرٍ على عقيدة شعوبها، وضرِب للثقة التي منحتها الشعوب لحكوماتها، وإشعال لنار الخلاف والفتنة بين المسلمين، ما يؤدي إلى إضعاف أمة الإسلام، وتمكين عدوها منها، كما قال تعالى: ﴿وَمَنْ أَظْلَمُ مِنْ افْتَرَى عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ وَهُوَ يُدْعَى إِلَى الإِسْلَامِ وَاللَّهُ لَا يَهِيءُ لِلنَّاسِ الْأَذًى إِلَّا مَا كَسَبُوا إِنَّ اللَّهَ بِأَفْوَاهِهِمْ وَإِنَّ اللَّهَ مُتِمٌّ نُورَهُ وَلَوْ كَرِهُ الْكَافِرُونَ * هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينُ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الَّذِينَ كُلَّهُمْ لَوْ كَرِهُ الْمُشْرِكُونَ﴾ [الصف: ٧ - ٩].

ثامناً: يجب على مسئولي وزارات التعليم والإعلام في العالم العربي والإسلامي الكف عن العبث بمناجِه تعليم الإسلام، وتقديمه من خلال القرآن والسنة، والتأكد على ثوابت العقيدة والشريعة، وتحصين الناشئة من الانحرافات والشبهات الفكرية والعقائدية، فالشباب أمانة بين أيديكم وفي أعناقكم، وسوف تسألون عنها يوم القيمة.

قال تعالى: ﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَتَخُونُوا أَمَانَاتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ﴾ [الأنفال: ٢٧].

تاسعاً: يدعو المؤمنون العلماء، وطلبة العلم، والدعاة، وسائل المفكرين والكتاب المسلمين للقيام بواجبهم نحو دينهم، ومواجهة فتنة تبديل الدين، ووعية الأمة بهذا الخطر الداهم، وتحرير المقالات، والكتب،

وإقامة الندوات، والمحاضرات، والخطب التي تشرح عقيدة التوحيد، وتبين ما ينافيها، وتحذر من فتنه هذه البدعة الضالة، وأنه ليس هناك من إكراه أو تأويل في قبول هذا الباطل.

قال تعالى: ﴿وَالْفِتْنَةُ أَشَدُّ مِنَ الْقَتْلِ﴾ [البقرة: ١٩١].

قال سبحانه: ﴿وَقُلِ الْحُقُّ مِنْ رَبِّكُمْ فَمَنْ شَاءَ فَلْيَؤْمِنْ وَمَنْ شَاءَ فَلْيَكُفِرْ﴾ [الكهف: ٢٩].

عاشرًا: ينادي العلماء المشاركون في هذا المؤتمر إلى تشكيل هيئة مشتركةٍ من الروابط والهيئات العلمية على مستوى الأمة تقوم بواجب إصدار البيانات والرسائل حول الشبهات والعقائد الدخيلة على الأمة الإسلامية، وحراسة الثوابت ومحكمات الإسلام، ويكون لها مؤتمر سنوي جامع يتم عقده في شهر رجب من كل عام هجري.

والله تعالى نسأل أن ينصر من نصر الدين، وأن يعز عباده المسلمين بعز الإسلام، إنه ولِ ذلك القادر عليه، وصلى الله وسلم وبارك على نبينا محمد، وآله وصحبه أجمعين.

وآخر دعوانا أن الحمد لله رب العالمين.

الأحد

م ٢٠٢١/٢/٢١ - ١٤٤٢/٧/٩

TERJEMAHAN TEKS

Resolusi Konferens “Pendirian Umat
Islam berkenaan Agama-agama Ibrahimi”

22.2.2021M



Segala puji bagi Allāh, satu-satunya Dia. Selawat dan salam daripada Allāh buat baginda yang tiada nabi sesudahnya. Seterusnya:

Dengan segala pujian bagi Allāh dan bantuan-Nya jualah, kemudian dengan kerjasama antara Kesatuan Ulama Muslimin Sedunia, Rābiṭah Ulama Muslimun, dan Rābiṭah Maghrib-Arabi, telah berlangsungnya sebuah konferens antarabangsa pertama menjelaskan Pendirian Umat Islam berkenaan Agama-agama Ibrahimi. Ia disertai 19 buah negara. Demikian itu berlangsung pada hari

Ahad, 19 Rejab 1442H, bersamaan dengan 21.2.2021M. Selepas pelbagai pembentangan dan ucapan disampaikan berkenaan agama (Abrahamic Faiths) yang direka-reka ini, dan segala perancangan (strategi) yang dikaitkan dengannya, para ulama umat ini dan rābiṭah ‘ilmīyyah yang terlibat telah bersetuju untuk mengeluarkan sebuah resolusi seperti berikut:

-1-

Al-Qur’ān al-Karīm ialah sebesar-besar kitab yang melindungi imej Ibrāhīm ‘alayhissalām. Di dalam al-Qur’ān, ada sebuah surah dengan nama baginda, adanya surah-surah dengan nama keluarga baginda, dan beberapa anak keturunannya. Umat Islam diperintahkan untuk mengikuti petunjuknya, dan petunjuk sekelian para nabi ‘alayhimus̄salātu wassalām. Allāh ta‘ālā berfirman:

أُولَئِكَ الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ فَبِهُدَاهُمْ أَقْتَدَهُ ٦٠
أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا إِنْ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِّلْعَالَمِينَ

“Mereka (Nabi-nabi) itulah, orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allāh, maka turutlah olehmu (wahai Muḥammad) akan petunjuk mereka; Katakanlah: “Aku tidak meminta upah kepada kamu mengenai petunjuk (al-Qur’ān yang aku sampaikan) itu. Al-Qur’ān itu tidak lain hanyalah peringatan bagi penduduk alam seluruhnya.” (Sūrah al-An‘ām, ayat 90)

Oleh kerana itu, kumpulan manusia yang paling berhak kepada Ibrāhīm ‘alayhissalām ialah umat Islam dan Iman (yakni muslimin). Allāh *subḥānahu* berfirman:

إِنَّ أُولَئِكَ النَّاسِ يَأْبَاهِيمَ لِلَّذِينَ اتَّبَعُوهُ وَهَذَا الَّتِي
وَالَّذِينَ آمَنُوا قَوْلَ اللَّهِ وَلِلَّهِ الْمُؤْمِنُونَ
٦٨

“Sesungguhnya orang-orang yang hampir sekali kepada Nabi Ibrāhīm (dan berhak mewarisi ugamanya) ialah orang-orang yang mengikutinya dan juga Nabi (Muhammad) ini serta orang-orang yang beriman (umatnya – umat Islam). Dan (ingatlah), Allāh ialah Pelindung dan Penolong sekalian orang-orang yang beriman.” (Sūrah Āli ‘Imrān, ayat 68)

-2-

Ulama muslimin bersama (yakni menyokong) sikap tolong-menolong sesama manusia, dan kehidupan bersama berdasarkan kebebasan dan keadilan, dan tidak (menyokong) menghina agama-agama mahupun para Nabi, dan sentiasa bersama (yakni menyokong) dialog kemanusiaan untuk membina masyarakat. Akan tetapi, mereka (para ulama) bersatu dalam melawan sebarang penyelewengan terhadap Islam dan usaha memburukkan para nabi ‘alayhimuṣṣalātu wassalām. Inilah dia agama umat Islam.

Allāh *subḥānahu* berfirman:

قُلْ إِنَّمَا هَدَانِي رَبِّي إِلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ دِينًا قِيَمًا
۝ مِّلَّةً إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ

“Katakanlah (wahai Muḥammad): “Sesungguhnya aku telah diberikan petunjuk hidayah oleh Tuhanmu ke jalan yang betul lurus, (kepada) ugama yang tetap teguh, iaitu ugama Nabi Ibrāhīm yang ikhlas, dan tiadalah ia dari orang-orang musyrik.” (Sūrah al-An‘ām, ayat 161)

-3-

Asas ideologi “Agama Ibrahimī” ini ialah nilai-nilai yang dikongsi antara akidah Islam dan akidah-akidah selainnya. Ini adalah ideologi yang batil. Kerana Islam tertegak atas konsep Tauhid dan Keesaan (Allāh), serta Mengesakan Allāh *ta ‘ālā* melalui ibadat. Sementara syariat-syariat (lain) yang telah diselewengkan telah dimasuki unsur-unsur syirik dan bercampuraduk dengan penyembahan berhala. Tauhid dan Syirik ialah dua lawan yang tidak akan bersatu.

Sangkaan bahawa Ibrāhīm *‘alayhissalām* berpegang kepada agama yang menghimpunkan antara Islam, Yahudi dan Kristian itu merupakan sangkaan yang batil, dan akidah yang rosak. Allāh *subḥānahu* berfirman:

مَا كَانَ إِبْرَاهِيمُ يَهُودِيًّا وَلَا نَصَارَائِيًّا وَلَكِنْ كَانَ
حَنِيفًا مُسْلِمًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٦٧﴾

“Bukanlah Nabi Ibrāhīm itu seorang pemeluk ugama Yahudi, dan bukanlah ia seorang pemeluk ugama Kristian, tetapi ia seorang yang tetap di atas dasar Tauhid sebagai seorang Muslim (yang taat dan berserah bulat-bulat kepada Allāh), dan ia pula bukanlah dari orang-orang musyrik.” (Sūrah Āli ‘Imrān, ayat 67)

-4-

Usaha untuk menyokong '*Abrahamic Accord*' dengan tujuan untuk menormalisasi dan menundukkan (umat Islam dan rakyat Palestin), melalui cara penyebaran agama baharu dan bersempena pula dengan normalisasi politik; ini merupakan perkara yang ditolak sama sekali. Demikian itu kerana Umat Islam tidak menerima sebarang normalisasi politik sejak penghujung 70-an kurun lalu, dan tentunya tidak akan menerimanya juga pada hari ini, apatah lagi dengan normalisasi agama dan penyelewengan akidah sebegini. Allāh *ta‘ālā* berfirman:

أَفَغَيْرَ دِينَ اللَّهِ يَبْغُونَ

“Apakah ada selain agama Allāh yang mereka inginkan? (Sudah tentu tidak!)” (Sūrah Āli ‘Imrān, ayat 83)

Patuh kepada musuh-musuh agama berkenaan agama rekaan ini dan menerimanya serta berdakwah untuknya – bererti keluar daripada agama Islam yang merupakan agama penutup dan pemansuh segenap syariat yang mendahuluinya. Sesekali tidak akan berjaya sesiapapun yang masuk ke dalam kekufuran yang nyata ini!

Allāh *subbhanahu* berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن تُطِيعُوا فَرِيقًا مِّنَ الَّذِينَ أُوتُوا
الْكِتَابَ يَرْدُو كُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ كَافِرِينَ ﴿١٠﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu taat akan sesuatu puak dari orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu, nescaya mereka akan mengembalikan kamu menjadi orang-orang kafir sesudah kamu beriman.” (Sūrah Āli ‘Imrān, ayat 100)

Allāh *jalla wa ‘alā* berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن تُطِيعُوا الَّذِينَ كَفَرُوا يَرْدُو كُمْ
عَلَى أَعْقَابِكُمْ فَتَنَقْلِبُوا خَاسِرِينَ ﴿١٤٩﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu taatkan orang-orang yang kafir nescaya mereka akan menolak kamu kembali kepada kekufuran, lalu menjadilah kamu orang-orang yang rugi.” (Sūrah Āli ‘Imrān, ayat 149)

Menjadi kewajiban umat ini untuk menyedari yang impian perdamaian (Palestin-yahudi) itu pada hakikatnya dimusnahkan oleh yahudi sendiri. Perdana menteri mereka sendiri telah menyatakan dengan sejelasnya pada 28 Jun 2020, dalam konferens *Christians United for Israel*, bahawa perjanjian *Deal of Century* telah memusnahkan impian ‘Penyelesaian Dua-Negara’ (yakni pembentukan dan pengiktirafan Palestin sebagai sebuah negara dan israel sebagai sebuah negara). Begitu jugalah yang dinyatakan oleh menteri luar Amerika kini di dalam kongres pada Januari 2020: “Penyelesaian ideal untuk perselisihan ini ialah kehidupan bersama secara aman, dan saling mengiktiraf antara satu sama lain selepas menghapuskan segala asbab persengketaan.”

Sudah tentulah yang terutamanya (asbab perselisihan yang dimaksudkan mereka itu) ialah Akidah Islam. Allāh *ta‘ālā* berfirman:

وَدَّ كَثِيرٌ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يَرُدُّونَكُمْ مِنْ بَعْدِ
إِيمَانِكُمْ كُفَّارًا حَسَدًا مِنْ عِنْدِ أَنفُسِهِمْ مِنْ بَعْدِ
مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ الْحُقْقُ

“Banyak di antara Ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) suka kalaualah kiranya mereka dapat mengembalikan kamu menjadi kafir setelah kamu beriman, kerana dengki yang timbul

dari diri mereka sendiri, sesudah nyata kepada mereka kebenaran (Nabi Muḥammad *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam*).” (Sūrah al-Baqarah, ayat 109)

-7-

Para ulama memberi amaran kepada negara-negara Islam, agar tidak menerima sebarang ajakan yang dipamerkan ini (melalui agama Ibrahimī), kerana ia jelas sekali merupakan tindakan zalim kepada akidah rakyatnya, dan menghapuskan keyakinan yang dikurniakan rakyat kepada pemerintahnya. Begitu juga, ia akan menyalakan api sengketa dan fitnah sesama muslimin, yang akhirnya akan mengakibatkan kepada kelemahan umat Islam, dan membolehkan pula musuh-musuhnya untuk menguasainya. Sepertimana yang difirmankan Allāh *ta‘ālā*:

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَى عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ وَهُوَ يُدْعَى
إِلَى الإِسْلَامِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الطَّالِمِينَ ٧
يُرِيدُونَ لِيُظْفِئُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَاللَّهُ مُتِّمُ
نُورِهِ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ ٨ هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ
بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الَّذِينَ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ
الْمُشْرِكُونَ ٩

“Dan tidak ada yang lebih zalim daripada orang yang mengada-adakan perkara dusta

terhadap Allāh, sedang ia diajak kepada memeluk Islam; dan (ingatlah), Allāh tidak memberi hidayah petunjuk kepada orang-orang yang zalim. * Mereka sentiasa berusaha hendak memadamkan cahaya Allāh (ugama Islam) dengan mulut mereka, sedang Allāh tetap menyempurnakan cahaya-Nya, sekalipun orang-orang kafir tidak suka (akan yang demikian).* Dia lah yang telah mengutus Rasul-Nya (Muhammad *sallAllāhu ‘alayhi wa sallam*) dengan membawa hidayah petunjuk dan ugama yang benar (ugama Islam), supaya Ia memenangkannya dan meninggikannya atas segala ugama yang lain, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya.” (Sūrah al-Ṣaff, ayat 7-9)

-8-

Wajib ke atas pihak yang bertanggungjawab ke atas kementerian pendidikan dan media di Dunia Arab dan Islam untuk berhenti daripada menyia-nyiakan manhaj-manhaj pendidikan Islam. Begitu juga (wajibnya) untuk memperseimbangkan (pendidikan Islam) melalui al-Qur’ān dan Sunnah, dan menekankan tentang *thawābit* (asas) akidah dan syariat. Serta (wajibnya) memelihara anak-anak kecil daripada penyelewengan dan syubhat-syubhat idealogi dan akidah (yang ditimbulkan musuh Islam). Para belia ialah amanah di tangan kalian, dan kalian akan dipersoalkan kelak berkenaan di Hari Kiamat.

Allāh ta‘ālā berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا^{٢٧}
أَمَانَاتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allāh dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).” (Sūrah al-Anfāl, ayat 27)

-9-

Sidang konferens ini menyeru para ulama, penuntut ilmu shar‘ī, para pendakwah, dan semua pemikir dan penulis muslimin, untuk bangkit melaksanakan kewajiban mereka terhadap agama mereka, dan menentang fitnah penyelewengan agama ini. Dan berusaha untuk memberikan pengetahuan kepada umat ini berkenaan marabahaya yang dahsyat ini. Serta, melalui khutbah/pidato/ucapan yang menjelaskan akidah Tauhid, dan menjelaskan apakah yang bertentangan dengannya, begitu juga mengingatkan umat ini daripada fitnah bid‘ah (*Abrahamic Faiths*) yang sesat ini. Sesungguhnya tiada sebarang paksaan mahupun sebarang tafsiran yang membolehkan penerimaan kebatilan ini.

Allāh *ta ‘ālā* berfirman:

وَالْفِتْنَةُ أَشَدُّ مِنَ الْقَتْلِ

“Fitnah itu lebih teruk daripada membunuh.”
(Sūrah al-Baqarah, ayat 191)

Allāh *subbhanahu* berfirman:

وَقُلِ الْحُقُّ مِنْ رَبِّكُمْ فَمَنْ شَاءَ فَلِيُؤْمِنْ وَمَنْ شَاءَ
فَلِيَكُفُرْ

“Dan katakanlah (wahai Muhammad):
“Kebenaran itu ialah yang datang dari Tuhan kamu, maka sesiapa yang mahu beriman, hendaklah ia beriman; dan sesiapa yang mahu kufur ingkar, biarlah dia mengingkarinya.”
(Sūrah al-Kahfi, ayat 29)

-10-

Ulama yang terlibat di dalam konferensi ini menyeru kepada pembentukan sebuah badan gabungan antara *rābiṭah-rābiṭah* (persatuan) dan badan-badan ilmiah pada peringkat Umat ini, dengan tujuan untuk melaksanakan tanggungjawab mengeluarkan kenyataan-kenyataan rasmi dan surat-surat berkenaan (menjawab) syubhat-syubhat dan akidah-akidah (yang sesat) yang meresap masuk dalam umat Islam, dan juga menjaga *thawābit* (asas) dan *muhkamāt* (perkara asas yang tidak lagi

dipertikaikan dalam) Islam ini. Ia juga memiliki konferens tahunannya yang menghimpunkan kesemuanya, yang akan dilaksanakan pada bulan Rejab setiap tahun hijriyah.

Hanya Allāh *ta‘ālā* lah tempat kami memohon, agar Dia membantu sesiapa saja yang membantu agama ini, dan agar Dia mengukuhkan para hamba-Nya yang muslimin dengan kekuatan Islam. Sesungguhnya Dialah yang Maha berkuasa tentang perkara itu.

Selawat dan salam Allāh serta keberkatan-Nya buat Nabi kita Muḥammad, juga buat keluarga baginda dan para sahabatnya. Penghujung doa kita ialah: Segala puji bagi Allāh, Tuhan sekalian alam.

Ahad, 9/7/1442H bersamaan 21-2-2021M

Alhamdulillāh, segala puji bagi Allāh, dahulu, kini dan selamanya, atas penyempurnaan terjemahan bagi Resolusi Konferens ‘*Pendirian Umat Islam berkenaan Abrahamic Faiths/Agama-agama Ibrahimi*,’ pada asar 30 Syaaban 1443H, bersamaan 2.4.2022M, di Maktabah atTauhidi, negeri Sabah alMahmiyah billah, di tangan empunya segala dosa dan kesilapan Syafiq atTauhidi. Semoga Allāh yang baik menerima dan mengumumkan manfaatnya kepada seluruh umat.

